



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH SEDIA

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	PERODUA VIVA 1.0 EZI (A)	SAB 9764 H	1	RM 5,400.00

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada **2 September 2025 (Selasa)** hingga **10 September 2025 (hari bekerja sahaja)** di antara **jam 9 pagi hingga 12 tengah hari** di Tapak Letak Kereta, Aras 2, Bangunan Aeropod.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di Perenggan 4. Tawaran adalah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda **No.Sebut harga SEDIA/SH(OE)/03/25** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

Ketua Eksekutif

Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi

Dan Pelaburan Sabah,

Tingkat 1, Block M1 & M2.

Aeropod Commercial Square, Jalan Kepayan

88200 Kota Kinabalu, Sabah

5. Tarikh tutup sebut harga pada **11 September 2025** pukul **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM1,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank atau Pindahan Segera sahaja atas nama **SABAH ECONOMIC DEVELOPMENT AND INVESTMENT AUTHORITY FEDERAL FUND (CIMB Nom. Akaun: 80-0554397-2)**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Penggunaan pemadam cecair atau sebarang bentuk pembetulan tidak dibenarkan dan boleh menyebabkan sebut harga terbatal/ ditolak.
6. Pihak SEDIA tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis SEDIA.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Pihak SEDIA berhak untuk melupuskan aset tersebut.
11. Penyebut harga yang tidak berjaya, deposit akan dikembalikan dengan mengemukakan resit asal pembayaran, salinan kad pengenalan bagi persendirian/ salinan SSM bagi syarikat, dan dokumen berkaitan (sekiranya ada).

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.